

Surat khabar: Berita Harian (Nasional)

Hari/Tarikh: 1/10/2013

Muka surat: 7

Tajuk : Tarik Lebih Pekerja Mahir.

Tarik lebih pekerja mahir

Kota Samarahan: Sarawak sedia melonggarkan undang-undang imigresennya bagi membolehkan pekerja mahir dari luar negeri ini mengisi kekosongan sedia ada.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata pelaburan dalam Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) ketika ini di luar jangkaan kerajaan menyebabkan banyak industri berdepan kekurangan pekerja.

Katanya, kekurangan pekerja mahir belum mencapai tahap serius namun kerajaan sedia membawa pekerja dari Semenanjung atau dari luar negara bagi mengatasi masalah ini.

"Kita tidak menjangka akan berdepan masalah ini kerana tidak menduga SCORE mampu menerima pelaburan terlalu cepat dan dalam skala yang besar seperti di terima Sarawak ketika ini.

"Perancangan kita ketinggalan sedikit kerana masih di peringkat melatih lebih ramai pekerja mahir dan separa mahir bagi mengisi permintaan pelaburan terutama yang terbabit dalam industri berat," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Festival Sains, Teknologi, Kejuruteeraan dan Matematik Antarabangsa (STEM) 2013 yang berlangsung selama dua hari di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).